



DASAR CUKAI JUALAN BIL. 2/2026

LANGKAH SEMENTARA BERHUBUNG PENGECUALIAN CUKAI JUALAN DAN PELEPASAN DUTI IMPORT BERIKUTAN KONFLIK DI TIMUR TENGAH

1. PENGECUALIAN

MENTERI KEWANGAN, di bawah perenggan 35(3)(a) Akta Cukai Jualan 2018 dan subseksyen 14(2) Akta Kastam 1967 telah bersetuju untuk mengecualikan cukai jualan dan duti import ke atas barangan yang dikilangkan di Malaysia oleh **pengilang berdaftar** yang telah dieksport dan diimport semula oleh **pengilang berdaftar yang sama** akibat gangguan berikutan konflik di Timur Tengah.

2. TARIKH KUAT KUASA

Pengecualian duti import dan cukai jualan ini berkuat kuasa sehingga **31 Disember 2026**.

3. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- 3.1. Mana-mana pengilang berdaftar yang ingin memohon pengecualian ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - 3.1.1. Pengimportan semula hendaklah dibuat oleh **pengilang berdaftar sama yang telah mengeksport** barangan tersebut;
 - 3.1.2. Barangan tersebut hendaklah dapat dibuktikan mempunyai **kaitan langsung** antara eksport dan pengimportan semula yang berpunca daripada **gangguan berikutan konflik di Timur Tengah**, termasuk faktor keselamatan, penutupan atau ketidakbolehcapaian pelabuhan, pengalihan laluan kapal atau penangguhan/pembatalan penerimaan oleh pembeli, serta disokong dengan dokumen yang relevan termasuk pengesahan daripada syarikat perkapalan, ejen penghantaran atau pembeli;
 - 3.1.3. Kuantiti barangan yang diimport semula hendaklah **bersamaan sepenuhnya** dengan kuantiti yang telah dieksport bagi penghantaran tersebut dan tidak melibatkan sebahagian daripada penghantaran asal;



- 3.1.4. Barangan yang diimport semula hendaklah merupakan **barangan yang sama** seperti yang telah dieksport dan tidak melibatkan penggantian atau pertukaran dengan barangan lain;
- 3.1.5. Pemilikan barangan hendaklah **kekal di bawah pengilang berdaftar** yang mengeksport barangan tersebut sepanjang tempoh eksport dan pengimportan semula;
- 3.1.6. Barangan yang diimport semula hendaklah **kekal di bawah kawalan dan tanggungjawab** penuh **pengilang berdaftar**;
- 3.1.7. Barangan tersebut hendaklah **dieksport semula dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh pengimportan semula**, dan **boleh dilanjutkan** bagi tempoh **tambahan enam (6) bulan** tertakluk kepada penilaian dan kelulusan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);
- 3.1.8. Sekiranya barangan tersebut **dilupuskan atau dijual** dalam pasaran tempatan, **cukai jualan dan duti import hendaklah dikenakan** selaras dengan peruntukan undang-undang semasa;
- 3.1.9. Pengilang berdaftar hendaklah **mengemukakan dan menyimpan dokumen lengkap** bagi membuktikan hubungan antara eksport dan pengimportan semula serta untuk tujuan pengauditan oleh JKDM;
- 3.1.10. Tertakluk kepada **apa-apa syarat tambahan yang ditentukan oleh JKDM** bagi tujuan pelaksanaan dan kawalan; dan
- 3.1.11. Pengecualian ini adalah bersifat sementara, terhad kepada situasi konflik semasa dan **tidak dijadikan sebagai precedent** bagi kes-kes lain.



4. PROSEDUR PELAKSANAAN

- 4.1. Prosedur pelaksanaan pengecualian cukai jualan dan duti import adalah seperti di bawah:
- 4.1.1. Pada masa pengiklanan Borang Kastam No.1, pengimport hendaklah mengemukakan surat permohonan bertulis menggunakan *letterhead* syarikat berhubung pengimportan di bawah 'Pengecualian Cukai Jualan Dan Pelepasan Duti Import Berikutan Konflik Di Timur Tengah' dan Borang Kastam No. 2 yang asal berserta dokumen sokongan yang lengkap bagi membuktikan kaitan langsung pengimportan semula adalah akibat konflik di Timur Tengah. Contoh dokumen adalah seperti surat pengesahan syarikat perkapalan, ejen penghantaran, pelabuhan atau pembeli.
- 4.1.2. Sekiranya barang yang diimport adalah tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 dan lain-lain larangan yang sedang berkuat kuasa, maka pengimportan tersebut tertakluk kepada syarat dan keperluan yang ditetapkan di bawah perintah atau larangan tersebut; dan
- 4.1.3. Barang yang diimport hendaklah dieksport semula dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh pengimportan semula. **Permohonan pelanjutan tempoh eksport** hendaklah dikemukakan kepada **Bahagian Cukai Dalam Negeri di stesen mengawal** pengilang berdaftar tersebut sebelum tamat tempoh yang ditetapkan;

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Penafian:

Dasar Cukai Jualan ini adalah tertakluk kepada pindaan sekiranya terdapat sebarang perubahan dasar oleh pihak kerajaan.
